



PEKELILING
PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA BIL.1/2018

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
Kompleks Kementerian Kewangan
No, 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
Tel. : 03 8880 2000
Fax : 03 8880 7788

KANDUNGAN

KANDUNGAN	2
1 GLOSARI	3
2 TUJUAN	4
3 TAFSIRAN	4
4 DASAR PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM	6
4.1 SYARAT PEMBIAYAAN	7
4.2 SKOP PEMBIAYAAN.....	9
4.3 JENIS-JENIS PEMBIAYAAN	9
4.4 AMAUN KELAYAKAN PEMBIAYAAN.....	11
4.5 FAEDAH ATAU KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN	12
4.6 PERLINDUNGAN INSURANS ATAU TAKAFUL.....	13
4.7 PELANTIKAN PEGUAM SEBAGAI PEMEGANG PERTARUHAN DAN URUSAN CAGARAN HARTANAH	13
4.8 CAGARAN HARTANAH.....	14
4.9 BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN.....	14
4.10 KEMUNGKIRAN	14
5 TANGGUNGJAWAB	15
5.1 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN	15
5.2 TANGGUNGJAWAB PEMOHON	16
5.3 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN, JPA/ JHEV, MINDEF/ KWAP	16
6 HAK DAN KEPENTINGAN LEMBAGA	16

1 GLOSARI

APG	Arahan Potongan Gaji
APP	Arahan Potongan Pencen
BPP	Bahagian Pinjaman Perumahan
JHEV	Jabatan Hal Ehwal Veteran
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KWAP	Kumpulan Wang Amanah Persaraan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LPIPM/ CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (<i>Construction Industry Development Board</i>)
LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
MINDEF	Kementerian Pertahanan (<i>Ministry of Defence</i>)
SPPSA	Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
SPPSAi	Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam Secara Islam
SPPP	Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
SPPI	Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Secara Islam

2 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan berkaitan pembiayaan perumahan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) kepada orang yang layak berdasarkan Akta LPPSA 2015. Pekeliling Pembiayaan Perumahan LPPSA Bil.1/2018 hendaklah dibaca bersama garis panduan permohonan pembiayaan perumahan sektor awam yang berkuat kuasa. Dengan ini, Pekeliling LPPSA Bil. 1/2017 adalah terbatal.

3 TAFSIRAN

Bagi maksud syarat-syarat ini, melainkan ditetapkan sebaliknya:

- 3.1 'Arkitek' bermaksud arkitek yang bertauliah atau arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia termasuk pelukis pelan yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, jurutera yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan juruukur bahan yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia;
- 3.2 'Badan Berkanun' bermaksud suatu badan/ organisasi/ agensi, yang ditubuhkan dibawah undang-undang persekutuan/ negeri bagi maksud Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri, tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan;
- 3.3 'Cagaran' bermaksud jaminan melalui gadaian bagi hartanah yang mempunyai Hakmilik Individu/ Strata atau melalui penyerahan hak bagi hartanah yang mempunyai Hakmilik Induk;
- 3.4 'Ciri-ciri rumah kediaman' bermaksud rumah kediaman yang mempunyai fungsi dan struktur ruang tamu, bilik tidur, bilik air dan dapur secara kekal;
- 3.5 'Hartanah' bermaksud tanah dengan tujuan membina rumah atau tanah dan rumah atau rumah kedai yang mempunyai ciri-ciri rumah kediaman atau petak rumah kediaman yang seumpamanya;

- 3.6 'Harga Hartanah' bermaksud harga yang disebut dalam Perjanjian Jual Beli antara pelanggan dengan penjual;
- 3.7 'Kerajaan' bermaksud Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- 3.8 'Ketua Jabatan' bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa melaksanakan tugas Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan;
- 3.9 'Kontraktor' bermaksud kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM/ CIDB dalam bidang pembinaan;
- 3.10 'Lembaga' bermaksud Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA);
- 3.11 'Meninggalkan Perkhidmatan' bermaksud tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang layak mendapat pembiayaan mengikut Akta LPPSA 2015 (Akta 767) sama ada secara sukarela atau paksaan tidak termasuk yang bersara wajib/ pilihan atau bersara atas kepentingan negara atau sebab kesihatan atau sebab penyusunan semula organisasi atau sebab kepentingan perkhidmatan awam atau sebab tujuan dilantik dalam pertubuhan/ penswastaan;
- 3.12 'Menteri' bermaksud Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- 3.13 'Muqasah/ Ibra'' bermaksud satu amaun kurangan daripada jumlah keuntungan asas yang telah ditetapkan oleh Lembaga bagi pembiayaan SPPSAi;
- 3.14 'Peguam' bermaksud seorang pengamal undang-undang dengan mana-mana firma guaman berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-undang Sabah (Sabah) dan Persatuan Peguambela Sarawak (Sarawak);

- 3.15 'Pelanggan' bermaksud individu yang menikmati kemudahan SPPSAi/SPPSA;
- 3.16 'Pemaju' bermaksud syarikat pemaju perumahan yang berdaftar dan mendapat lesen pemajuan perumahan dengan KPKT bagi negeri-negeri di Semenanjung atau Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah atau Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak;
- 3.17 'Petak Rumah Kediaman' bermaksud rumah kediaman bertingkat seperti pangsapuri, apartmen, kondominium dan seumpamanya;
- 3.18 'Pembiayaan' bermaksud pinjaman di bawah SPPSA (dahulu dikenali sebagai SPPP) atau pembiayaan di bawah SPPSAi (dahulu dikenali sebagai SPPI);
- 3.19 'Projek Terbengkalai / Bermasalah / Sakit' bermaksud projek perumahan yang terbiar atau ditinggalkan oleh pemaju yang disahkan oleh KPKT bagi negeri-negeri di Semenanjung atau Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah atau Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak; dan
- 3.20 'Pelanggan Ingkar' bermaksud Pelanggan yang melanggar syarat-syarat perjanjian pembiayaan.

4 DASAR PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Lembaga menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada kakitangan sektor awam yang memenuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga. Terdapat sepuluh (10) dasar utama yang ditetapkan iaitu syarat pembiayaan, skop pembiayaan, jenis-jenis pembiayaan, amaun kelayakan pembiayaan, faedah atau keuntungan pembiayaan, perlindungan insurans atau takaful, pelantikan peguam sebagai pemegang pertaruhan dan urusan cagaran hartanah, cagaran hartanah, bayaran balik pembiayaan dan kemungkiran.

4.1 SYARAT PEMBIAYAAN

Pemohon hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga seperti berikut:

A. SYARAT KELAYAKAN

4.1.1 Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga diberikan kepada orang yang layak berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut:

- i. Anggota Perkhidmatan Awam/ Pasukan Polis/ Angkatan Tentera;
- ii. Anggota Pentadbiran Persekutuan iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik;
- iii. Anggota Pentadbiran Negeri iaitu Menteri Besar, Ketua Menteri, Timbalan Menteri Besar, Timbalan Ketua Menteri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- iv. Hakim Mahkamah Persekutuan/ Rayuan/ Tinggi tertakluk kepada Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45);
- v. Anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat;
- vi. Yang Dipertua Dewan Rakyat;
- vii. Anggota Dewan Undangan Negeri; dan
- viii. Pekerja badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan.

4.1.2 Orang yang layak, yang berhak memohon kemudahan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan Negeri, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan yang mempunyai

skim pembiayaan perumahannya sendiri tidak layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

- 4.1.3 Pemohon layak untuk menikmati dua kali pembiayaan sama ada memilih SPPSA atau SPPSAi bagi pembiayaan pertama dan pembiayaan kedua tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan pembiayaan kedua dibenarkan dengan syarat pembiayaan pertama diselesaikan terlebih dahulu.
- 4.1.4 Pemohon yang telah mendapat kemudahan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hanya layak mendapat kemudahan pembiayaan kedua di bawah skim ini tertakluk kepada syarat-syarat pembiayaan kedua.
- 4.1.5 Lembaga membenarkan permohonan pembiayaan bersama untuk membeli satu hartanah yang sama tertakluk kepada syarat-syarat pembiayaan bersama antara isteri atau bapa / ibu dan/ atau anak/ anak-anak.
- 4.1.6 Syarat-syarat pembiayaan bersama adalah seperti berikut:
 - i. Setiap pemohon hendaklah merupakan kakitangan sektor awam; atau
 - ii. Sekurang-kurangnya seorang daripada pemohon adalah kakitangan sektor awam; dan
 - iii. Bagi pemohon bersama yang bukan kakitangan sektor awam, pemohon perlu menggunakan pembiayaan institusi kewangan atau agensi yang mempunyai skim pembiayaan perumahan sendiri, yang bersetuju menjadi pemegang gadaian kedua.

- iv. Pemohon pembiayaan bersama perlu terdiri daripada kalangan suami/ isteri/ ibu/ bapa/ anak/ anak-anak.

B. SYARAT PEMOHON

4.1.7 Pemohon mestilah:

- i. Warganegara Malaysia.

Orang yang layak yang dinyatakan di perkara 4.1.1 i. dan viii. mestilah:

- a. Pegawai tetap yang sedang berkhidmat; dan
 - b. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan telah disahkan dalam jawatan.
- ii. Orang yang layak yang dinyatakan di perkara 4.1.1 ii., iii., iv., v., vi. dan vii. mestilah pegawai dalam tempoh lantikan dan sedang berkhidmat.
 - iii. Bukan seorang bankrap atau siberhutang hukuman atau seorang yang tidak berkemampuan kewangan atau sedang diambil tindakan tatatertib bagi tujuan buang kerja.

4.2 SKOP PEMBIAYAAN

Skop pembiayaan Lembaga adalah merangkumi harga hartanah, kos bayaran insurans/ takaful gadai janji dan insurans/ takaful pemilikan rumah kediaman dan yuran guaman berkaitan penyediaan perjanjian pembiayaan.

4.3 JENIS-JENIS PEMBIAYAAN

Pembiayaan melalui skim pembiayaan perumahan sektor awam yang disediakan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

- i. Jenis 1: Pembelian rumah kediaman yang telah siap.
- ii. Jenis 2: Pembinaan rumah kediaman dan, jika berkenaan, jalan masuk ke rumah kediaman itu, di atas tanah yang dimiliki oleh orang yang layak yang diluluskan dan tanah itu adalah bebas daripada bebanan.
- iii. Jenis 3: Pembelian rumah kediaman yang sedang dibina.
- iv. Jenis 4: Pembelian tanah bagi maksud pembinaan rumah kediaman dan, jika berkenaan, jalan masuk ke rumah kediaman itu.
- v. Jenis 5: Penyelesaian keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman sedia ada daripada bank atau institusi kewangan yang diambil bagi maksud membeli tanah, dengan atau tanpa rumah kediaman di atasnya, atau membina rumah kediaman dan jalan sebagai jalan masuk ke rumah kediaman, sebelum pemberian kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.
- vi. Jenis 6: Pembinaan rumah kediaman dan, jika berkenaan, jalan masuk ke rumah kediaman itu, di atas tanah yang sedang dibiaya melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.
- vii. Jenis 7: Pengubahsuaian rumah kediaman yang pembelian atau pembinaannya telah dibiaya atau diselesaikan melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

4.4 AMAUN KELAYAKAN PEMBIAYAAN

Amaun kelayakan maksimum yang ditetapkan oleh Lembaga adalah seperti berikut;

4.4.1 Amaun pembiayaan pertama yang diluluskan adalah tertakluk kepada amaun yang mana terendah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- i. harga hartanah; atau
- ii. penilaian hartanah oleh JPPH; atau
- iii. amaun yang dimohon; atau
- iv. kelayakan maksimum pemohon, seperti jadual kelayakan yang diluluskan oleh Lembaga.

4.4.2 Amaun pembiayaan kedua yang diluluskan adalah tertakluk kepada perbezaan antara kelayakan semasa dengan amaun yang telah diambil bagi pembiayaan pertama.

4.4.3 Amaun pembiayaan ubahsuai (Jenis 7) yang diluluskan adalah tertakluk kepada ansuran bulanan tidak melebihi 50 peratus termasuk bayaran balik pembiayaan pertama daripada pendapatan bersih (jumlah gaji pokok dan elaun lain yang diambilkira oleh Lembaga ditolak dengan potongan yang ada di dalam slip gaji).

4.4.4 Amaun pembiayaan kerja tambahan yang diluluskan bagi pembelian rumah kos rendah adalah tidak melebihi RM20,000.00.

4.5 FAEDAH ATAU KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN

Faedah atau Keuntungan yang ditetapkan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

- 4.5.1 Kadar faedah pembiayaan SPPSA ditetapkan sebanyak 4 peratus setahun atas amaun pembiayaan yang diluluskan. Perkiraan kadar faedah dibuat atas baki berkurangan (*reducing balance*) setiap bulan.
- 4.5.2 Kadar keuntungan pembiayaan SPPSAi ditetapkan sebanyak 7 peratus setahun. Perkiraan kadar keuntungan dibuat atas baki berkurangan (*reducing balance*) setiap bulan. Pelanggan akan menikmati kadar keuntungan 4 peratus setahun melalui Prinsip Muqasah/ Ibra'.
- 4.5.3 Pelanggan yang terlibat dalam projek terbengkalai / bermasalah/ sakit yang disahkan oleh KPKT bagi negeri-negeri di Semenanjung atau Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah atau Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak adalah dibenarkan untuk memohon pengecualian faedah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 4.5.4 Pengiraan faedah/ keuntungan pembiayaan adalah seperti berikut:
 - i. Pembiayaan Jenis 1, 4, dan 5 akan bermula pada bulan berikutnya selepas tarikh bayaran pertama hartanah dikeluarkan atau pada bulan ketujuh (7) daripada tarikh kelulusan yang mana terdahulu; atau
 - ii. Pembiayaan Jenis 2, 3, 6 dan 7 akan bermula pada bulan berikutnya selepas bayaran kemajuan 95 peratus dan ke atas dikeluarkan atau pada bulan ke dua puluh lima (25) daripada tarikh kelulusan yang mana terdahulu; atau

- iii. Pembiayaan Jenis 3 yang melibatkan hartanah berkonsepkan bina dan jual (*build and sell*) seperti berikut:
 - a. Bagi rumah bertanah, pengiraan akan bermula pada bulan berikutnya selepas bayaran kemajuan 100 peratus dikeluarkan atau pada bulan ke dua puluh lima (25) daripada tarikh kelulusan, yang mana terdahulu; atau
 - b. Bagi rumah bertingkat, pengiraan akan bermula pada bulan berikutnya selepas bayaran kemajuan 100 peratus dikeluarkan atau pada bulan ke tiga puluh tujuh (37) daripada tarikh kelulusan, yang mana terdahulu.

4.6 PERLINDUNGAN INSURANS ATAU TAKAFUL

Pemohon diwajibkan mengambil Polisi Perlindungan Gadai Janji dan Polisi Perlindungan Pemilikan Rumah Kediaman daripada panel syarikat insurans/ takaful yang dilantik oleh Lembaga. Amaun pembiayaan Premium insurans/ takaful adalah termasuk dalam kelayakan maksimum pembiayaan.

4.7 PELANTIKAN PEGUAM SEBAGAI PEMEGANG PERTARUHAN DAN URUSAN CAGARAN HARTANAH

Pemohon diwajibkan untuk melantik peguam daripada firma guaman yang berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia (Semenanjung Malaysia), Persatuan Undang-Undang Sabah (Sabah) atau Persatuan Peguambela Sarawak (Sarawak) untuk urusan pemegang pertaruhan dan urusan cagaran hartanah. Kos guaman hendaklah dijelaskan sendiri oleh pelanggan.

4.8 CAGARAN HARTANAH

Semua hartanah yang mendapat pembiayaan daripada Lembaga hendaklah dicagarkan kepada Lembaga.

4.9 BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

4.9.1 Pemungutan bayaran balik pembiayaan adalah melalui potongan gaji atau potongan pencen. Lembaga akan memberikan notis pemotongan secara bertulis kepada Ketua Jabatan pemohon.

4.9.2 Pelanggan dibenarkan memohon penangguhan bayaran balik bulanan bagi tempoh minimum setahun tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Pelanggan yang diluluskan cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji untuk melanjutkan pelajaran atas tajaan Kerajaan bagi Diploma/ Ijazah/ Sarjana/ PhD dalam negeri; atau
- ii. Pelanggan yang diluluskan cuti tanpa gaji untuk mengikuti suami/ isteri yang melanjutkan pelajaran Ijazah/ Sarjana/ PhD di luar negara atas tajaan Kerajaan; atau
- iii. Pelanggan yang diluluskan cuti tanpa gaji bagi tempoh minimum setahun kerana mengikuti suami/ isteri yang bertugas dengan Kerajaan di luar negara.

4.10 KEMUNGKIRAN

4.10.1 Pembiayaan adalah terbatal sekiranya pelanggan melakukan kemungkiran terhadap mana-mana syarat perjanjian pembiayaan.

4.10.2 Pengiraan kadar faedah/ keuntungan bagi pelanggan yang memungkiri perjanjian/ meninggalkan perkhidmatan adalah seperti berikut:

- i. Kadar faedah/ keuntungan bagi pelanggan yang memungkiri perjanjian/ meninggalkan perkhidmatan masih dikekalkan pada kadar 4 peratus dengan syarat pelanggan hendaklah membayar pembiayaan secara sekaligus dalam tempoh 30 hari daripada tarikh meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya gagal, kadar faedah akan dikenakan sebanyak 7 peratus setahun atas baki pokok.
- ii. Lembaga berhak menuntut wang pembiayaan berserta faedah/ keuntungan pada bila-bila masa dengan menyampaikan notis secara bertulis kepada pelanggan dan pelanggan hendaklah menyelesaikan jumlah baki hutang sekaligus dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penyampaian notis tersebut.

4.10.3 Bagi pembiayaan bersama, suami/ isteri atau bapa/ ibu dan anak/ anak-anak yang tidak melakukan kemungkiran adalah dibenarkan meneruskan bayaran balik bulanan dengan syarat mengambil alih baki hutang pembiayaan suami/ isteri atau bapa/ ibu dan anak/ anak-anak yang melakukan kemungkiran tertakluk kepada kelulusan Lembaga. Sekiranya gagal berbuat demikian, suami/ isteri atau bapa/ ibu dan anak/ anak-anak yang melakukan kemungkiran dikehendaki membayar balik sekaligus baki pembiayaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemungkiran bagi mengelakkan dikenakan kadar faedah/ keuntungan 7 peratus.

5 TANGGUNGJAWAB

5.1 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelanggan mematuhi pekeliling ini dan garis panduan pembiayaan perumahan sektor awam yang telah ditetapkan oleh Lembaga. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan ke atas peraturan-

peraturan lain yang dikuatkuasakan ke atas semua kakitangan awam sebelum mengemukakan permohonan kepada Lembaga. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan APG yang dikeluarkan dan mengemukakan bayaran kepada Lembaga sebelum 25 haribulan setiap bulan.

5.2 TANGGUNGJAWAB PEMOHON

Pemohon adalah bertanggungjawab untuk mematuhi pekeliling ini dan garis panduan pembiayaan perumahan sektor awam yang telah ditetapkan oleh Lembaga dan memastikan dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah sah dan benar.

5.3 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN, JPA/ JHEV, MINDEF/ KWAP

Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA/ JHEV, MINDEF/ KWAP hendaklah melaksanakan APP dan potongan ganjaran (jika berkaitan) serta mengemukakan bayaran kepada Lembaga. Bayaran potongan pencen hendaklah dikemukakan sebelum 25 haribulan setiap bulan.

6 HAK DAN KEPENTINGAN LEMBAGA

Pelanggan yang menggunakan kemudahan pembiayaan perumahan daripada Lembaga adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- 6.1 Mana-mana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga menurut seksyen 4(1) Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] hendaklah dipindahmilik kepada dan terletak hak sedemikian kepada Lembaga sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu.
- 6.2 Lembaga berkuasa mengenakan syarat tambahan, meminda atau mengecualikan syarat-syarat dalam Pekeliling ini.

- 6.3 Lembaga mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggan ingkar.
- 6.4 Lembaga berhak menolak sebarang permohonan melibatkan pemaju/ kontraktor/ peguam/ arkitek tanpa alasan bagi melindungi kepentingan Lembaga.
- 6.5 Lembaga berhak menolak permohonan yang melibatkan pemohon yang pernah melanggar syarat pembiayaan perumahan Lembaga.
- 6.6 Lembaga berhak membatalkan pembiayaan sekiranya didapati pelanggan telah melanggar syarat pembiayaan perumahan.